



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGAJARAN TERANCANG KOHESI
NAHUAN KONJUNGSI DALAM PENULISAN
KARANGAN BAHASA MELAYU

RAMLI YAACOB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN BAHASA
MELAYU

FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan kesan pengajaran Kohesi Nahan Konjungsi (KNK) secara terancang terhadap tahap pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid tingkatan empat. Kaedah kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini bagi melihat kesan penggunaan modul pengajaran KNK yang dibina berdasarkan Model Pengajaran Morrison, Ross dan Kemp. Seramai 61 orang murid dari dua kelas tingkatan empat sebuah sekolah di Selangor terlibat sebagai sampel kajian. Sampel telah dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian pra telah dijalankan bagi sampel dari kedua-dua kumpulan. Sampel dikehendaki menghasilkan sebuah karangan. Kumpulan rawatan kemudiannya telah mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran menulis karangan menggunakan modul KNK secara terancang manakala kumpulan kawalan pula menjalani pengajaran penulisan mengandungi unsur KNK secara konvensional. Setelah 12 minggu, kedua-dua kumpulan menduduki ujian pasca dengan menghasilkan sebuah lagi karangan. Kedua-dua set karangan yang dihasilkan disemak secara holistik dan diberi pemarkahan berdasarkan skema pemarkahan Sijil Pelajaran Malaysia. Karangan tersebut juga dianalisis untuk mengetahui kekerapan, tahap dan mutu penggunaan KNK. *Paired Samples t-test* digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan dalam penggunaan KNK dalam karangan bagi kedua-dua kumpulan dalam ujian pra dan ujian pasca. Kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian skor penulisan karangan, kekerapan dalam penggunaan KNK, tahap dan mutu penggunaan KNK dalam karangan pada ujian pasca berbanding ujian pra bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Kesimpulannya, kajian ini mendapati model pengajaran KNK secara terancang telah meningkatkan tahap pencapaian murid dalam penulisan. Implikasinya, modul pengajaran KNK terancang boleh digunakan oleh guru bagi meningkatkan mutu karangan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.





THE EFFECTS OF PLANNED GRAMMATICAL COHESION TEACHING IN MALAY ESSAY WRITING

ABSTRACT

The study aims to determine the effects of planned teaching of grammatical conjunction cohesion (GCC) towards the achievement of form four student's Malay essay writing. Quasi-experiment method was used in the study to look at the effects of using planned GCC teaching module which was developed based on Morrison, Ross and Kemp teaching model. A number of 61 students from two classes of form four from a Selangor school were used as samples of the study. Samples were divided into treatment group and control group. Pre-test was taken by samples from both groups. They were required to write an essay. The treatment group were given instruction in the teaching and learning processes of essay writing using planned GCC module and the control group were given instruction in conventional GCC teaching of essay writing. After 12 weeks, both groups were required to take a post-test by writing another essay. Both sets of essay were graded holistically and were given scores according to the Malaysia School Certificate scheme of grading. These essays were then analysed to look at the frequency, level and quality of GCC used. Paired Samples t-test was used to look at if there is any significant differences in the used of GCC by both groups in pre-test and post-test scores. The study found that there were a significant differences in the score of essay, frequency of using GCC, level and quality of GCC used by the samples from treatment group compare to samples from control group in the pre-test and post-test scores. In conclusion, the study found that planned GCC teaching module has improved level student's achievements in writing. The implication of the study suggests teachers to use planned GCC teaching module to improve the quality of essay writing in Malay Language subject.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	i
--------------------	----------

ABSTRAK	ii
----------------	-----------

ABSTRACT	iii
-----------------	------------

ISI KANDUNGAN	iv
----------------------	-----------

SENARAI JADUAL	xi
-----------------------	-----------



SENARAI RAJAH	xv
----------------------	-----------

SENARAI SINGKATAN	xvii
--------------------------	-------------

SENARAI LAMPIRAN	xviii
-------------------------	--------------

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	1
-----	-----------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	7
-----	--------------------	---

1.4	Objektif Kajian	11
-----	-----------------	----

1.5	Soalan Kajian	12
-----	---------------	----

1.6	Hipotesis Kajian	13
-----	------------------	----

1.7	Kerangka Konseptual	14
-----	---------------------	----

1.8	Kepentingan Kajian	16
-----	--------------------	----





1.8.1	Murid	16
1.8.2	Guru	16
1.8.3	Kementerian Pendidikan Malaysia	17
1.8.4	Pihak-pihak Lain	18
1.9	Definisi Operasional	19
1.9.1	Kesan Pengajaran Terancang	19
1.9.2	Kohesi Nahuan Konjungsi	23
1.9.3	Penulisan Karangan Bahasa Melayu	28
1.10	Batasan Kajian	30
1.11	Penutup	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Teori Pembelajaran	34
2.2.1	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	36
2.3	Pengajaran Terancang	40
2.3.1	Konsep-konsep Dalam Pengajaran Terancang	43
2.3.2	Pengajaran Kohesi Secara Terancang	46
2.3.3	Kajian Berkaitan Pengajaran Terancang	48
2.4	Kerangka Konsep Pengajaran Terancang	55
2.5	Wacana	62
2.5.1	Konsep Wacana	63
2.5.2	Definisi Wacana	64
2.5.3	Ciri-ciri Wacana	69
2.5.4	Wacana Dalam Penulisan	72
2.6	Konsep Kohesi	74





2.6.1	Model Halliday dan Hasan (1972)	76
2.7	Konsep Koheren	78
2.7.1	Koheren Dalam Penulisan	79
2.8	Sarana Kohesi	81
2.8.1	Sarana Kohesi Nahuan	83
2.8.1.1	Rujukan	84
2.8.1.2	Substitusi atau Penggantian	87
2.8.1.3	Elipsis	87
2.8.1.4	Konjungsi	87
2.8.2	Sarana Kohesi Leksikal	88
2.9	Konsep Kohesi Dalam Kajian ini	91
2.9.1	Fungsi Kata Hubung	96
2.9.1.1	Kata Hubung Gabungan	97
2.9.1.2	Kata Hubung Pancangan	97
2.10	Faktor Pemilihan “Kohesi dalam penulisan” Untuk Dikaji	99
2.11	Kohesi Dalam Penulisan	101
2.12	Kajian Berkaitan	104
2.12.1	Kajian Berkaitan Kohesi	104
2.12.2	Kajian Berkaitan Pengajaran Karangan	112
2.12.3	Kajian Berkaitan Pengajaran Kohesi	116
2.13	Aspek Kohesi yang Digunakan Dalam Kajian	119
2.14	Kohesi Dalam Pengajaran Terancang	120
2.15	Kerangka Konseptual Pengajaran Terancang KNK	122
2.16	Penutup	123



**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	126
3.2	Reka Bentuk Kajian	126
3.3	Reka Bentuk Eksperimen	130
3.3.1	Sesi Pengajaran KNK (Kata Hubung)	132
3.4	Sampel Kajian	134
3.4.1	Penelitian Awal Terhadap Sampel	136
3.5	Instrumen	137
3.5.1	Set Soalan Ujian Pra	137
3.5.2	Set Soalan Ujian Pasca	138
3.5.3	Rancangan Pengajaran	139
3.5.4	Langkah-langkah Membina Rancangan Pengajaran Terancang	140
3.5.4.1	Mengenal Pasti Masalah Pengajaran	142
3.5.4.2	Mengenal Pasti Murid Sasaran	143
3.5.4.3	Mengenal pasti Tugas Yang Perlu Dimasukkan Dalam Modul	143
3.5.4.4	Objektif Pelajaran Dinyatakan Dengan Jelas dan Tepat	145
3.5.4.5	Susunan Isi Kandungan Dirancang Dengan Rapi	145
3.5.4.6	Menentukan Pengajaran Yang Hendak Digunakan	146
3.5.4.7	Mereka Bentuk Bahan Bantu Mengajar Untuk Digunakan Dalam Modul Pengajaran Bagi Meningkatkan Pemahaman Pelajar	148
3.5.4.8	Membina Pengajaran	149
3.5.4.9	Membuat Penilaian Pengajaran Bagi	



Memastikan Bahan Pembelajaran Yang Boleh Digunakan Dalam Modul ini Dapat Meningkatkan Pemahaman Murid 150

3.6 Kesahaan dan kebolehpercayaan 153

3.6.1 Kajian Rintis 154

3.6.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soalan Ujian Pra dan Ujian Pasca 155

3.6.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Rancangan Rancangan Pengajaran 157

3.6.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan 158

3.7 Taklimat/Penerangan Tentang Pengajaran Terancang 165

3.8 Prosedur Kajian 166

3.9 Prosedur Pengumpulan Data 167

3.10 Sumber Data 169

3.11 Analisis Data 170

3.11.1 Analisis Kohesi Nahuan Konjungsi Dalam Karangan 170

3.11.2 Kohesi Pencapaian Karangan 174

3.12 Penutup 177

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 179

4.2 Dapatan Kajian 180

4.3 Penutup 219

BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan 221

5.2 Rumusan Hasil Kajian 222

5.2.1 Pencapaian Markah Penulisan Karangan 222

5.2.2	Tahap Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi Dalam Karangan	223
5.2.3	Tahap Penggunaan Kata Hubung Gabungan Dalam Karangan	224
5.2.4	Tahap Penggunaan Kata Hubung Pancangan Relatif Dalam Karangan	225
5.2.5	Tahap Penggunaan Kata Hubung Pancangan Komplemen Dalam Karangan	226
5.2.6	Tahap Penggunaan Kata Hubung Pancangan Keterangan Dalam Karangan	227
5.3	Perbincangan	229
5.3.1	Pencapaian Murid	229
5.3.1.1	Pencapaian Penulisan Karangan	230
5.3.1.2	Tahap Penggunaan KNK Dalam Karangan	233
5.3.1.3	Pengajaran KNK Secara Terancang	237
5.3.1.4	Pengajaran dan Pembelajaran Di Bilik Darjah	239
5.3.2	Elemen Penting Sebagai Garis Panduan Pembinaan Pengajaran Terancang	241
5.3.2.1	Elenen-emelen Penting Sebagai Garis Panduan Untuk Menghasilkan Pengajaran KNK Secara Terancang	241
5.4	Implikasi Kajian	244
5.4.1	Keberkesanan Modul Pengajaran KNK Secara Terancang	245
5.4.2	Pendekatan dan Strategi Yang Digunakan Dalam Pengajaran KNK	245
5.5	Rumusan Kajian	246
5.6	Cadangan-cadangan	248



5.6.1	Modul Pengajaran Terancang	249
5.6.2	Faktor Status Sosio Ekonomi (SES) Dan Jantina	250
5.6.3	Pengajaran Terancang Bagi Semua Sarana Kohesi	253
5.6.4	Kemahiran Kohesi Dalam Sukatan Mata Pelajaran Bahasa Melayu	254
5.6.5	Modul Khas Untuk Perkataan-perkataan Yang Sukar dikuasai	255
5.6.6	Perbandingan Antara Aliran	256
5.7	Penutup	256
	RUJUKAN	259
	LAMPIRAN	269





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Perbandingan Kohesi Nahuan Konjungsi	92
2.2 Contoh Penggunaan Kata Hubung Gabungan Dalam Ayat	97
2.3 Contoh Penggunaan Kata Hubung Pancangan Komplemen Dalam Ayat	98
2.4 Contoh Penggunaan Kata Hubung Pancangan Relatif Dalam Ayat	98
2.5 Contoh Penggunaan Kata Hubung Pancangan Keterangan Dalam Ayat	99
3.1 Model Eksperimen	133
3.2 Sesi Pengajaran Kohesi Nahuan Konjungsi (KNK)	133
3.3 Populasi Sampel	137
3.4 Markah Karangan Kumpulan Kawalan Yang Disemak Semula Oleh Tiga Orang Guru	159
3.5 Markah Karangan Kumpulan Rawatan Yang Disemak Semula Oleh Tiga Orang Guru	161
3.6 Indeks Ketekalan Dalaman <i>Alpha Cronbach</i>	163
3.7 Keputusan Analisis <i>Alpha Cronbach</i>	164
3.8 Pentadbiran Kajian	168
3.9 Skala Pemarkahan Karangan Oleh LPM	175
3.10 Markah Yang Ditukarkan Kepada Per Seratus	177
4.1 Pencapaian Skor Penulisan Karangan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	181
4.2 Rumusan Pencapaian Skor Karangan Murid Kumpulan	



	Kawalan Berdasarkan Takrifan LPM	183
4.3	Pencapaian Skor Penulisan Karangan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	184
4.4	Rumusan Pencapaian Skor Karangan Murid Kumpulan Rawatan Berdasarkan Takrifan LPM	184
4.5	Perbandingan Pencapaian Skor Penulisan Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan	187
4.6	Pencapaian Skor Penulisan Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	190
4.7	Pencapaian Skor Penulisan Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	190
4.8	Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi Dalam Penulisan Karangan Semasa Ujian Para Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	193
4.9	Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi Dalam Penulisan Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	194
4.10	Tahap Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi Dalam Penulisan Karangan Murid Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan	196
4.11	Min Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi Dalam Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	298
4.12	Min Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi Dalam Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	199
4.13	Kekerapan Penggunaan Kata Hubung Gabungan Dalam Karangan Bagi Kumpulan Kawalan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	200
4.14	Kekerapan Penggunaan Kata Hubung Pancangan Relatif Dalam Karangan Bagi Kumpulan Kawalan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	201
4.15	Kekerapan Penggunaan Kata Hubung Pancangan Komplemen Dalam Karangan Bagi Kumpulan Kawalan	

	Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	201
4.16	Kekerapan Penggunaan Kata Hubung Pancangan Keterangan Dalam Karangan Bagi Kumpulan Kawalan	202
4.17	Kekerapan Penggunaan Kata Hubung Gabungan Dalam Karangan Bagi Kumpulan Rawatan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	203
4.18	Kekerapan Penggunaan Kata Hubung Pancangan Relatif Dalam Karangan Bagi Kumpulan Rawatan	204
4.19	Kekerapan Penggunaan Kata Hubung Pancangan Komplemen Dalam Karangan Bagi Kumpulan Rawatan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	204
4.20	Kekerapan Penggunaan Kata Hubung Pancangan Keterangan Dalam Karangan Bagi Kumpulan Rawatan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	205
4.21	Min Penggunaan Kata Hubung Gabungan Dalam Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	206
4.22	Min Penggunaan Kata Hubung Gabungan Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	207
4.23	Min Penggunaan Kata Hubung Pancangan Relatif Dalam Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	208
4.24	Min Penggunaan Kata Hubung Pancangan Relatif Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	209
4.25	Min Penggunaan Kata Hubung Pancangan Komplemen Dalam Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	210
4.26	Min Penggunaan Kata Hubung Pancangan Komplemen Dalam Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	211
4.27	Min Penggunaan Kata Hubung Pancangan Kererangan Dalam Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	212
4.28	Min Penggunaan Kata Hubung Pancangan Keterangan Dalam Karangan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	212



4.29	Penggunaan KNK Dalam Karangan Kumpulan Kawalan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	214
4.30	Penggunaan Knk Dalam Karangan Kumpulan Rawatan Semasa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	216
4.31	Min Penggunaan KNK Dalam Karangan Dan Min Pencapaian Markah Karangan Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan Sebelum Dan Selepas Pengajaran Kohesi Nahuan Konjungsi	220



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
-----------	------------

1.1	Kerangka Konseptual	15
2.1	Model Pengajaran Morrison, Ross dan Kemp (1994)	55
2.2	Model Kohesi Oleh Halliday dan Hasan (1976)	82
2.3	Jenis-jenis Kohesi Oleh Halliday dan Hasan (1976)	83
2.4	Sarana Kohesi Nahuan	84
2.5	Sarana Kohesi Leksikal	89
2.6	Model Tautan Pindaan	90
2.7	Jenis-jenis Kata Hubung Berdasarkan <i>Tatabahasa Dewan</i> Edisi ketiga (2009:251)	121
2.8	Kerangka Konseptual Pengajaran Terancang Yang Dilaksanakan Dalam Kelas	122
3.1	Contoh Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Tidak Setara	130
3.2	Reka Bentuk Kajian	132
3.3	Set Soalan Ujian Pra	138
3.4	Set Soalan Ujian Pasca	139
3.5	Elemen Penting Dalam Model Pengajaran Morrison, Ross dan Kemp (1994)	141
3.6	Lembaran SPSS Ketika Membuat Analisis Alpha Cronbach	164
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	167
3.8	Contoh Nama Fail Karangan Kumpulan Rawatan Semasa Ujian Pra Yang Telah Disimpan	171



3.9	Karangan Yang Telah Dikira Jumlah Kekerapan Penggunaan KNK	172
3.10	Contoh borang pengiraan kekerapan penggunaan KNK	173
3.11	Borang bersatu kekerapan penggunaan KNK	174





SENARAI SINGKATAN

KNK	Kohesi Nahuan Konjungsi
KH	Kata Hubung
KHG	Kata Hubung Gabungan
KHP	Kata Hubung Pancangan
KHPR	Kata Hubung Pancangan Relatif
SPSS	<i>Statistical Packages For The Sosial Science</i>





SENARAI LAMPIRAN

A1	Set Soalan Ujian Pra
A2	Set Soalan Ujian Pasca
B1	Rancangan Pengajaran Satu
B2	Bahan Rancangan Pengajaran Satu
C1	Rancangan Pengajaran Dua
C2	Bahan Rancangan Pengajaran Dua
D1	Rancangan Pengajaran Tiga
D2	Bahan Rancangan Pengajaran Tiga
E1	Rancangan Pengajaran Empat
E2	Bahan Rancangan Pengajaran Empat
F1	Rancangan Pengajaran Lima
F2	Bahan Rancangan Pengajaran Lima
G1	Rancangan Pengajaran Enam
G2	Bahan Rancangan Pengajaran Enam
H1	Rancangan Pengajaran Tujuh
H2	Bahan Rancangan Pengajaran Tujuh
I1	Rancangan Pengajaran Lapan
I2	Bahan Rancangan Pengajaran Lapan
J1	Rancangan Pengajaran Sembilan
J2	Bahan Rancangan Pengajaran Sembilan
K1	Rancangan Pengajaran Sepuluh
K2	Bahan Rancangan Pengajaran Sepuluh





L1	Rancangan Pengajaran Sebelas
L2	Bahan Rancangan Pengajaran Sebelas
M1	Rancangan Pengajaran Dua Belas
M2	Bahan Rancangan Pengajaran Dua Belas
N1	Contoh-contoh Karangan Semasa Ujian Pra
N2	Contoh-contoh Karangan Semasa Ujian Pasca
O1	Surat Kebenaran Pengetua SMKSM





BAB 1

PENGENALAN



Pada bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu, turut dibincangkan ialah kerangka konseptual, kepentingan kajian, definisi operasional dan batasan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di negara kita, Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar atau bahasa perantara di sekolah-sekolah untuk menyampaikan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan sejak dahulu lagi. Kedudukan bahasa Melayu menjadi lebih kukuh dengan adanya Rang





Undang-undang Pelajaran, yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam pendidikan (Asmah Haji Omar, 2002). Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memartabatkan bahasa Melayu, antaranya dengan menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang wajib dalam sistem pendidikan negara, memperkenalkan Dasar “Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris”.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah sering juga diperkatakan terutama daripada aspek keberkesanannya. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran amat penting kerana aspek ini menjadi faktor sama ada kemahiran yang diajar berjaya dikuasai atau sebaliknya. Menurut Roselan Baki (2003), terdapat sesetengah guru menjadi keliru kerana gagal melaksanakan pengajaran dengan berkesan dan telah mengakibatkan pencapaian murid menjadi tidak konsisten dan sering turun naik. Oleh yang demikian, amatlah perlu penekanan diberi kepada aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, supaya pencapaian murid menjadi lebih baik. Tidak dinafikan juga bahawa terdapat guru yang hanya mengajar sekadar untuk menghabiskan sukatan semata-mata tanpa ada unsur-unsur inovasi dan sebagainya. Zulkifli Osman (2006), Kesilapan berlaku apabila terdapat guru yang hanya menurut sukatan pelajaran dengan tidak menggunakan kebijaksanaan. Akibatnya pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak berkesan.

Dalam usaha untuk memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, pelbagai kaedah pengajaran telah digunakan oleh guru, dengan harapan objektif pengajaran dan pembelajaran berjaya dicapai dan





seterusnya pelajar dapat menguasai kemahiran yang diajar. Pada akhirnya, pelajar berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan menjadi matlamat penting bagi seseorang guru kerana kecemerlangan murid dalam peperiksaan memberi gambaran bahawa pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan telah mencapai objektifnya, demikian juga pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan pastinya mengharapkan kejayaan dalam peperiksaan setelah berusaha selama beberapa tahun.

Menurut Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, dan Kamariah (2009), objektif pengajaran merupakan suatu perubahan yang ingin dicapai oleh murid setelah menjalani proses pengajaran. Kejayaan mencapai objektif pengajaran yang dirancang oleh guru menggambarkan kejayaan pelajar menguasai isi pelajaran yang diajar. Oleh demikian, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang memainkan peranan besar dalam memastikan pencapaian objektif sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Penetapan objektif yang jelas membolehkan guru memilih kaedah pengajaran yang sesuai dan seterusnya akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran tersebut lebih terancang dan berkesan (Norasmah Othman dan Shauki Osman, 2009).

Dalam konteks pendidikan di negara Malaysia, pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memberikan pendedahan mencukupi berkaitan teknik, kaedah dan pendekatan pengajaran dalam bilik darjah kepada guru. Seringkali juga kursus, seminar, bengkel, kolokium dan persidangan diadakan bagi memantapkan teknik, kaedah dan strategi pengajaran. Melalui cara ini input baharu dapat disampaikan kepada guru bagi meningkatkan kompetensi mereka dan seterusnya meningkatkan keupayaan guru mengendalikan kelas dengan teknik,





kaedah serta strategi yang lebih sesuai. Hal ini kerana teknik pengajaran yang menarik dan berinteraktif sangat berkesan jika dibandingkan dengan teknik pengajaran tradisional (Che Zanariah Che Hassan dan Fadilah Abd Rahman, 2011).

Walau bagaimanapun, apabila keputusan peperiksaan diumumkan, terutamanya peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, pasti wujud isu yang berkaitan dengan kelemahan calon. Antara isu yang ditimbulkan adalah mengenai kelemahan calon dalam mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu dalam bahagian karangan. Asmah Haji Omar (2004), menjelaskan bahawa dalam pengajaran bahasa di bilik darjah, sudah banyak kaedah dan pendekatan yang digubal dan digunakan, tetapi masih terdapat kelemahan yang agak ketara dalam penghasilan karangan oleh murid. Oleh yang demikian guru perlu mengenal pasti potensi setiap murid agar mereka dapat dibimbing berdasarkan potensi masing-masing untuk menghasilkan karangan yang baik dan seterusnya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013).

Dalam konteks peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Roselan Baki (2003), menjelaskan bahawa kelemahan dalam penulisan boleh menjejaskan pencapaian keseluruhan pelajar dalam kertas bahasa Melayu. Oleh sebab Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan negara, maka sesetengah pelajar mengalami penurunan pangkat sijil, daripada pangkat satu ke pangkat dua, pangkat dua ke pangkat tiga dan seterusnya kerana gagal mendapat kepujian dalam kertas bahasa Melayu. Keadaan ini menjelaskan bahawa keputusan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu akan mempengaruhi keputusan peperiksaan murid secara keseluruhannya.





Walaupun kenyataan di atas merujuk sistem peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang lama (sekarang sistem sijil terbuka), situasi di atas menggambarkan masih terdapat pelajar yang lemah bahasa Melayu dan mereka bukan sahaja terdiri daripada calon aliran Sains, malah ramai juga calon aliran Sastera yang menghadapi masalah tersebut. Di samping itu, senario yang dinyatakan itu juga menggambarkan permasalahan ini telah lama wujud dan perkara ini masih berlaku sehingga sekarang. Ini dapat dilihat apabila setiap tahun keputusan SPM diumumkan, Lembaga Peperiksaan Malaysia akan turut mengeluarkan laporan mengenai kelemahan calon termasuk kelemahan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Masalah pembelajaran Bahasa Melayu masih ketara hingga kini. Ini dapat dibuktikan apabila kita melihat kegagalan dan kelemahan sejumlah besar murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pada peringkat sekolah menengah khususnya, masih terdapat pelajar yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Malahan, ada antara pelajar ini yang lulus dengan cemerlang dan baik dalam pelajaran lain seperti Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, dan Geografi tetapi gagal atau sekadar lulus mata pelajaran Bahasa Malaysia (Khadijah Abdul Hamid, 1997). Ini kerana markah untuk mata pelajaran Bahasa Melayu banyak disumbangkan oleh karangan. Suhaimi Mohd. Salleh (2011), dalam satu artikel menjelaskan bahawa kegagalan calon Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia untuk mendapat markah yang tinggi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu banyak disumbang oleh kertas penulisan.

Terdapat beberapa aspek kelemahan dalam penulisan Bahasa Melayu, antaranya aspek ketidakseragaman ayat, kegagalan menyatakan idea yang tepat

